

DIMENATE TABLET/SYRUP

Dimenhydrinate (50mg, 15mg/5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Dimenate
2. Bagaimana Dimenate berfungsi
3. Sebelum mengambil Dimenate
4. Cara menggunakan Dimenate
5. Semasa menggunakan Dimenate
6. Kesan-kesan Sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Dimenate
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Dimenate

Dimenate digunakan untuk merawat mabuk perjalanan. Ia juga digunakan untuk merawat loya dan sensasi berputar (*vertigo*) akibat penyakit *Ménière* dan gangguan telinga lain yang menyebabkan simptom-simptom ini.

Bagaimana Dimenate berfungsi

Dimenate tergolong dalam kumpulan ubat-ubatan yang dipanggil *antiemetics*. Dimenate berfungsi dengan mempengaruhi pusat muntah di dalam otak. Ia berfungsi untuk melegakan gait dengan mempengaruhi otak dan telinga dalam.

Sebelum mengambil Dimenate

-Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil Dimenate jika:

- anda alah (hipersensitif) kepada *dimenhydrinate*, atau bahan-bahan lain dalam ubat.
- anda mengambil ubat untuk kemurungan dikenali sebagai *Monoamine Oxidase Inhibitors* (MAOIs).
- Anda mengandung, ingin hamil, atau sedang menyusukan bayi

-Sebelum mengambil Dimenate

Anda perlu beritahu doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil Dimenate.

Memandu dan menggunakan mesin

Anda mungkin berasa mengantuk selepas mengambil ubat ini. Jika ini berlaku, jangan memandu atau menggunakan mana-mana alat atau mesin.

Elakkan minuman beralkohol.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil atau baru-baru ini telah mengambil ubat-ubatan lain, termasuk ubat-ubatan yang diperolehi tanpa preskripsi, termasuk:

- aminophylline, untuk merawat gangguan pernafasan
- glycopyrronium bromide, untuk merawat perpeluhan yang luar biasa
- hydrocortisone natrium succinate, untuk mengurangkan keradangan, yang biasanya dalam bentuk suntikan
- hydroxyzine hydrochloride, digunakan untuk melegakan keresahan dan perasaan tertekan.
- ejen kontras, seperti iodipamide dan meglumine
- phenothiazine, sejenis ubat untuk mengubati gangguan mental dan emosi yang serius
- barbiturates, sejenis ubat sedatif.

Cara menggunakan Dimenate

-Berapa banyak harus diambil

Dewasa

50 hingga 100mg setiap 4 jam (maksima 300mg setiap hari)

Kanak-kanak

2-5 tahun: 12.5 hingga 25mg, 2 hingga 3 kali sehari.

6-12 tahun: 25 hingga 50mg, 2 hingga 3 kali sehari.

Diulangi mengikut keperluan individu.

-Bila perlu diambil

Ambil dos pertama sekurang-kurangnya 30 minit sebelum aktiviti atau perjalanan untuk mabuk perjalanan.

Jika anda tidak pasti, periksa dengan doktor atau ahli farmasi.

-Berapa lama perlu diambil

Sentiasa mengambil Dimenate tepat seperti yang doktor anda telah beritahu anda. Jika anda tidak pasti, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

-Jika terlupa mengambil

Jika anda terlupa untuk mengambil dos anda, ambilkannya secepat mungkin apabila anda ingat. Ambil dos seterusnya pada masa yang tepat. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang terlupa.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda (atau orang lain) telah mengambil banyak tablet/sirap pada masa yang sama, atau anda menyaki kanak-kanak mungkin melannya, hubungi jabatan kecemasan hospital yang terdekat atau beritahu doktor anda dengan segera.

Simptom-simptom pengambilan yang berlebihan termasuk:

- rasa mengantuk,
- ataxia* (kehilangan kawalan penuh pergerakan badan),
- disorientasi,
- nystagmus* (pergerakan mata luar kawalan),
- konvulsi,
- stupor* (keadaan hampir tidak sedarkan diri atau pengsan),
- koma,
- penekanan respirasi (masalah pernafasan).

Semasa menggunakan Dimenate

-Perkara yang perlu dilakukan

Jika simptom-simptom masih berterusan atau tidak menambahbaik selepas beberapa hari, sila berjumpa dengan doktor.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berikan Dimenate kepada orang lain, walaupun mereka mengalami keadaan yang sama seperti anda.

Jangan mengambil Dimenate untuk merawat sebarang

DIMENATE TABLET/SYRUP

Dimenhydrinate (50mg, 15mg/5ml)

simptom lain melainkan jika ahli farmasi atau doktor anda memberitahu anda.

Jangan mengambil lebih daripada dos yang disyorkan kecuali ahli farmasi atau doktor anda memberitahu anda.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Dimenate Tablets mengandungi laktosa. Jika anda telah diberitahu anda tidak bertoleransi kepada beberapa gula, hubungi doktor anda sebelum mengambil ubat ini.

Kesan-kesan Sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, Dimenate boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mengalaminya.

Bincang dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami kesan sampingan berikut yang membimbangkan anda, termasuk:

- rasa mengantuk
- sakit kepala
- mulut kering
- gangguan gastro-usus
- penglihatan kabur

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi untuk maklumat lanjut jika anda mengalami kesan sampingan yang lain yang membimbangkan anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers* → *Reporting*)

Cara penyimpanan dan pelupusan Dimenate

-Penyimpanan

Simpan ubat jauh daripada kanak-kanak.

Simpan di bawah suhu 30°C. Lindungi dari cahaya.

-Pelupusan

Jangan makan ubat itu apabila telah lepas tarikh luputnya.

Sila pulangkan tablet/sirap yang belum digunakan kepada ahli farmasi anda untuk dilupuskan. Hanya simpan tablet/sirap jika doktor anda menasihatkannya. Jangan buang ubat tersebut di dalam air buangan atau bersama-sama dengan sampah-sarap rumah. Tindakan ini boleh membantu melindungi alam persekitaran.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Dimenate Tablet:

Tablet berwarna kuning, berbentuk bulat dan rata dengan diameter 8mm, garis skor pada satu permukaan dan tidak bertanda pada permukaan lain.

Dimenate Syrup:

Sirap berwarna merah jelas, rasa manis dengan perisa ceri.

-Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif

Setiap tablet mengandungi 50mg dimenhydrinate
Setiap 5ml mengandungi 15mg dimenhydrinate.

Bahan bukan aktif

Dimenate Tablet:

Lactose mesh 200, povidone 30, sodium starch glycolate, corn starch, magnesium stearate, sunset yellow No.6 aluminium lake, quinoline yellow E104 aluminium lake

Dimenate Syrup:

Methyl hydroxybenzoate, Propyl hydroxybenzoate, cherry oil, carmoisine water soluble, chloroform spirit, granulated fine white sugar, propylene glycol, sodium saccharin, purified water

-Nombor MAL

Dimenate Tablet:

MAL19890534A

Dimenate Syrup:

MAL19890530A

Pengilang

Drug Houses of Australia Pte. Ltd.

#09-01/02 Haw Par Tiger Balm Building,

No. 2, Chia Ping Road, Singapore 619968

Pemegang

Pendaftaran

Produk

Actavis Sdn Bhd (760427-P)

C/o Allergan Malaysia Sdn Bhd Level 5-02, Block A, PJ 8, No.

23, Jalan Barat Seksyen 8,

46050 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

01/02/2016

Nombor siri:

BPFK(R4/1)280116/00020